

# KENYATAAN MEDIA

***Untuk siaran segera***

## **TAK PATUH SOP: 1 TAPAK BINA DI MELAKA DAN 1 TAPAK BINA DI PERAK DITUTUP**

5 Julai 2021

### **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: MELAKA**

Satu Pemeriksaan Operasi Bersepadu SOP COVID-19 PKP 3.0 oleh Penguatkuasa CIDB Negeri Melaka bersama CIDB HQ, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Tenaga Kerja (JTK), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah dilakukan sekitar daerah Melaka.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 1 tapak:

- 1 tapak beroperasi dan **tidak patuh SOP**

Satu (1) tapak yang menjalankan projek pembangunan perniagaan, hotel dan kondotel didapati tidak patuh SOP dan telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan penguatkuasa kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Tiada rekod pengurusan pekerja dan saringan gejala
- Beroperasi melebihi kapasiti 60% pekerja
- Tiada saringan suhu dilaksanakan di pintu masuk yang digunakan serta direkodkan
- Tiada kenderaan yang disediakan oleh syarikat bagi pergerakan pekerja

### **Tindakan:**

- Notis N3E/2021: Notis Pemberhentian Kerja Pembinaan (pelanggaran kewajipan oleh kontraktor)
- Notis N2/2015: Mengemukakan Maklumat Mengenai Industri Pembinaan (kontraktor)

## **PEMERIKSAAN TAPAK PEMBINAAN: PERAK**

Satu Operasi Pemeriksaan Tapak Bina PKP 3.0 CIDB Negeri Perak telah dilakukan di Daerah Taiping, Perak.

Bilangan tapak bina yang diperiksa adalah sebanyak 9 tapak:

- 3 tapak bina tidak beroperasi
- 5 tapak bina beroperasi dan patuh SOP MKN
- 1 tapak bina **tidak patuh SOP**

Tapak tersebut telah diarahkan untuk menghentikan operasi dengan serta merta oleh pasukan Penguatkuasaan CIDB Negeri Perak kerana ketidakpatuhan terhadap senarai semak SOP MKN COVID-19, Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) bagi sektor pembinaan dan lain-lain kesalahan seperti berikut:

- Pengisytiharaan untuk kebenaran beroperasi (MITI) didapati bercanggah di tapak beroperasi
- Rumah penginapan pekerja disediakan di tapak bina tiada kelulusan Jabatan Tenaga Kerja (JTK)/Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)
- Beroperasi melebihi kapasiti 60% pekerja
- Kebanyakan pekerja tidak mematuhi SOP tapak bina yang telah ditetapkan

### **Tindakan:**

- Notis N3E/2021: Notis Pemberhentian Kerja Pembinaan (pelanggaran kewajipan oleh kontraktor)

## **LATAR BELAKANG**

Sebanyak 187 tapak pembinaan diarah tutup sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 sejak 1 Jun lalu, berikutan kegagalan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang ditetapkan, dalam usaha membendung penularan pandemik COVID-19.

Sejak PKP 3.0 dilaksanakan, sebanyak 4,067 tapak pembinaan telah diperiksa oleh CIDB. Daripada jumlah berkenaan sebanyak 781 (19%) tapak pembinaan didapati beroperasi, manakala sebanyak 3,286 (81%) tidak beroperasi.

Daripada 781 tapak yang beroperasi didapati 187 tapak pembinaan (24%) tidak mematuhi SOP, manakala 594 (76%) tapak lagi mematuhi SOP. Kesemua 187 tapak

pembinaan tidak mematuhi SOP berkenaan telah diarah tutup serta merta. Bagaimanapun, 41 daripada tapak pembinaan yang diarah tutup telah pun dibenarkan dibuka semula, selepas mereka mematuhi SOP yang ditetapkan.

Daripada 187 tapak pembinaan yang ditutup, sebanyak 54 terletak di Sarawak. Negeri-negeri lain pula adalah seperti berikut: Selangor (42), Melaka (15), Sabah (11), Pulau Pinang (11), Kuala Lumpur (11), Johor (9), Negeri Sembilan (8), Perak (6), Terengganu (6), Pahang (6), Kedah (3), Perlis (3) dan Kelantan (2).

Manakala 41 yang dibuka semula selepas didapati mematuhi SOP terletak di negeri Sarawak (12), Selangor (9), Melaka (7), Terengganu (4), Johor (2), Kuala Lumpur (2), Perak (2), Kelantan (1), Sabah (1) dan Kedah (1).

## **PERINGATAN**

Penggiat industri pembinaan perlu mematuhi **Prosedur Operasi Standard (SOP) PKP 3.0** terkini yang boleh dimuat turun dari [www.cidb.gov.my](http://www.cidb.gov.my). CIDB boleh menutup tapak pembinaan yang didapati tidak mematuhi SOP yang ditetapkan. Mana-mana kontraktor yang melanggar peruntukan Akta 520 dan atau mana-mana undang-undang bertulis yang lain termasuk Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988) dan Akta 446 (Akta Standard Minimum Perumahan dan Kemudahan Pekerja 1990), boleh dibawa ke prosiding tindakan tatatertib kontraktor. Antara tindakan yang boleh dikenakan adalah penalti tidak melebihi RM500,000.00 dan/atau penggantungan dan/atau pembatalan Perakuan Pendaftaran Kontraktor.

#####



